

KECENDERUNGAN PEMILIHAN KURSUS KOKURIKULUM DAN PEMBELAJARAN SERVIS PELAJAR DIPLOMA DI UTM KUALA LUMPUR

Yusmady Md Junus¹, Abdul Qayyum Nazri², Nabilah Hanim Mohd Anuar³, Noralvina Nazri⁴,
Rafiza Mohamed⁵, Rosmiza Awang Noh⁶
Pusat Pengajian Diploma SPACE, Universiti Teknologi Malaysia, 54100 Kuala Lumpur, Malaysia
*E-mail: yusmady.kl@utm.my*¹

ABSTRAK - Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti secara terperinci tentang kursus kokurikulum berteraskan pembelajaran servis (CSL) dan kecenderungan pemilihan kursus mengikut persektif pelajar diploma di Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL). Kepentingan dalam berkokurikulum sangat penting dalam mengukuhkan sifat insaniah dalam diri seorang pelajar yang cemerlang. Kajian ini melibatkan 406 responden daripada 1,904 jumlah populasi pelajar diploma UTMKL. Data dikumpul melalui instrumen borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar diploma UTMKL. Analisis kajian mendapati terdapat pelbagai jenis kokurikulum dibahagikan mengikut empat (4) kluster masing-masing yang dikenal pasti bagi objektif pertama. Objektif kedua pula adalah mengenal pasti kecenderungan pelajar terhadap pilihan kursus CSL ini. Didapati bahawa kursus yang berteraskan kesukarelawan mencatatkan kecenderungan yang paling tinggi. Manakala skor kursus Memanah dari kluster sukan, rekreasi dan kebudayaan pula mencatatkan skor pelajar yang paling tinggi kecerungan pelajarannya. Kesimpulannya, walaupun jumlah responden hanya 21.32% dari bilangan populasi yang memberikan maklumbalas kepada kajian ini, namun ia dapat memberikan indikator kepada kecenderungan pemilihan kursus CSL mengikut persektif pelajar diploma UTMKL. Hasil daripada kajian ini boleh digunapakai dalam membuat perancangan penawaran kursus CSL mengikut pilihan dan kehendak pelajar.

Kata kunci: kokurikulum, pembelajaran servis, kemahiran insaniah, pembelajaran melalui pengalaman, ukur bahan


1. PENGENALAN

Bringle dan Hatcher (2009) mendefinisikan CSL sebagai pengalaman pendidikan berasaskan kursus, di mana pelajar (a) mengambil bahagian dalam aktiviti perkhidmatan yang teratur yang memenuhi keperluan komuniti yang dikenal pasti dan (b) mencerminkan aktiviti perkhidmatan seperti cara untuk mendapatkan pemahaman lanjut suatu kandungan kursus, penghargaan yang lebih mendalam terhadap disiplin, dan mempertingkatkan rasa tanggungjawab kepada masyarakat [1]. Kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) adalah secara berkembar iaitu pelajar dan masyarakat dan saling mewujudkan hubungan dua hala. Ini bermaksud

bahawa pelajar dan ahli masyarakat adalah guru dan pelajar. Sehubungan dengan itu, perkhidmatan ini berlaku dalam kadar yang seimbang terhadap pembelajaran [2], untuk pelajar dan ia hasil dari refleksi kritikal yang dilakukan [3].

2. METODOLOGI

Metodologi kajian adalah seperti dalam Rajah 1 berikut:



Rajah 1. Metodologi Kajian

Borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden adalah terdiri daripada 14 program diploma di bawah empat jabatan di Pusat Pengajian Diploma (PPD) UTM Kuala Lumpur. Data yang telah dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif iaitu mendapatkan nilai min, sisihan piawai, peratusan atau frekuensi. Soal selidik ini mengumpulkan maklumat mengenai maklumat am responden dan kecenderungan pemilihan kursus CSL berdasarkan empat kluster utama iaitu Kluster 1 - Teras Badan Beruniform (UKQU), Kluster 2 - Teras Akademik dan Profesional (UKQA), Kluster 3 - Teras Kesukarelawanan (UKQR) dan Kluster 4 - Teras Sukan, Rekreasi dan Kebudayaan (UKQS).

2.1 Populasi dan Sampel

Jumlah populasi adalah seramai 1,904 pelajar diploma UTM Kuala Lumpur. Manakala seramai 406 pelajar telah memberikan respon mereka melalui soalselidik yang terdiri daripada 178 adalah pelajar lelaki dan 228 adalah pelajar perempuan.

2.2. Instrumen Kajian

kajian yang dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik adalah sesuai dengan reka bentuk kajian ini di mana penyelidikan bermatlamat untuk menerangkan fenomena yang sedang berlaku [4]. Penggunaan data yang diperoleh melalui soal selidik adalah berdasarkan senarai kursus CSL dari Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum UTM. Instrumen yang digunakan adalah berbentuk borang soal selidik yang digunakan terbahagi kepada 2 bahagian iaitu bahagian A dan B.

2.2. Analisis Data

Data kajian bagi Skala Likert ini akan dianalisis menggunakan prosedur deskriptif menerusi perkiraan min, dan kekerapan serta peratusan. Setelah data dianalisis, item-item boleh dikelaskan kepada lima julat kecenderungan yang berbeza berdasarkan julat skor yang diperoleh iaitu masing-masing sangat tidak cenderung ($1.00 < 1.80$), tidak cenderung ($1.80 < 2.60$), neutral ($2.60 < 3.40$), cenderung ($3.40 < 4.20$) dan sangat cenderung ($4.20 < 5.00$) [5].

3. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Secara perbandingan keseluruhan, kursus CSL dari Kluster 3 – Teras Kesukarelawan telah menunjukkan peratusan bilangan kursus yang paling tinggi iaitu 57% peratus. Kursus CSL yang berteraskan kesukarelawan ini mendapat kecenderungan yang tinggi dalam pilihan pelajar. Pelaksanaan P&P kursus CSL berteraskan kesukarelawan ini mempunyai pelbagai kelebihan kepada pelajar, terutama dari segi konteks bersama masyarakat. Perkara ini telah disokong oleh Weglarz's (2004) melalui kajiannya yang mendapati bahawa 86% pelajar yang mengikuti kursus CSL kesukarelawan menyatakan ia dapat meningkatkan kesedaran mereka terhadap keperluan masyarakat [6].

Jadual 2. Senarai Kursus CSL yang Pelajar Cenderung Berdasarkan Klustur dan Skor Min

Bil.	Senarai Kursus CSL Yang Pelajar Cenderung	Skor Min
Kluster 1: Teras Badan Beruniform (UKQU)		
1	UKQU 2612 Pertolongan Cemas	3.42
Kluster 2: Teras Akademik Dan Profesional (UKQA)		
1	UKQA 2022 Media Digital dan Komuniti	3.69
2	UKQA 2162 Perkhidmatan Fotokreatif	3.58
3	UKQA 2232 Teknologi Dron	3.58
4	UKQA 2072 Perkhidmatan ICT dan Komunit	3.56
5	UKQA 2182 Astronomi	3.52
6	UKQA 2012 Inovasi dan Komuniti	3.50
7	UKQA 2222 Media Sosial dan Penjenamaan	3.46
8	UKQA 2092 Sains dan Komuniti	3.41
Kluster 3: Teras Kesukarelawan (UKQR)		
1	UKQR 2112 Pengurusan Masjid dan Pembangunan Komuniti	3.62
2	UKQR 2122 Penyelenggaraan Kenderaan Automotif	3.53
3	UKQR 2012 Kepimpinan dan Komuniti	3.51
4	UKQR 2032 Sains Kesukarelawan	3.51
5	UKQR 2142 Cerdik Kewangan	3.51
6	UKQR 2022 Budi Penyayang	3.49
7	UKQR 2042 Pengurusan Bencana	3.49
8	UKQR 2062 Komuniti Lestari	3.40
Kluster 4: Teras Sukan, Rekreasi Dan Kebudayaan (UKQS)		
1	UKQS 2092 Memanah	3.81
2	UKQS 2082 Treking	3.78
3	UKQS 2012 Badminton	3.77
4	UKQS 2102 Iqra	3.67
5	UKQS 2182 Renang	3.65
6	UKQS 2172 Bela Diri	3.60
7	UKQS 2042 Futsal	3.50
8	UKQS 2052 Orienteering	3.48

9	UKQS 2112 Teater	3.46
10	UKQS 2032 Bola Tampar	3.41
11	UKQS 2022 Bola Sepak	3.40

Kursus CSL yang bercorak kesukarelawan ini mendapat kecenderungan yang tinggi di kalangan pelajar kerana terdapat kepelbagaian jenis kursus yang ditawarkan. Terdapat sebanyak empat belas jenis kursus CSL di bawah kluster kesukarelawan ini dan kursus pengurusan masjid dan pembangunan komuniti mencatatkan skor min yang tinggi 3.62 dalam kluster ini. Kepelbagaian jenis kursus telah memperkayakan kaedah P& P kursus CSL. Kursus CSL ini menggalakkan refleksi yang kritikal [3] dan tanggungjawab kepada masyarakat [7] dan memberi manfaat kepada pelajar dan pihak berkepentingan dalam masyarakat [8].

Berdasarkan Jadual 2, Kluster 1 Teras Badan Beruniform menunjukkan pelajar tidak cenderung memilih kursus ini iaitu hanya satu dari lapan kursus mencatatkan kecenderungan pemilihan. Peratus kecenderungan pelajar yang paling tinggi adalah Kluster 3 iaitu Teras Kesukarelawan yang mencatatkan 57% bilangan kecenderungan dalam pemilihan. tahap kecenderungan pemilihan kursus CSL diantara para pelajar diploma UTMKL yang paling tinggi adalah UKQS 2092 Memanah dengan skor min 3.81 iaitu dari Kluster 4 Teras Sukan, Rekreasi dan Kebudayaan. Dengan kepelbagaian jenis kursus CSL dalam kluster 4 ini, ternyata pelajar lebih berminat dalam sukan ini berbanding kursus kokurikulum berteraskan pembelajaran servis yang lain.

4. KESIMPULAN

Kesimpulannya, walaupun hanya 21.32% dari bilangan populasi memberikan maklumbalas kepada kajian ini, namun ia dapat memberikan indikator kepada kecenderungan pemilihan kursus CSL mengikut persektif pelajar diploma UTMKL. Oleh yang demikian, pihak yang bertanggungjawab perlu memberikan perhatian dan tindakan yang sewajarnya bagi menambah baik dan mempertingkatkan lagi kualiti aktiviti seperti badan beruniform dan lain-lain dalam kursus CSL di UTMKL. Hasil daripada kajian ini boleh digunapakai dalam membuat perancangan penawaran kursus CSL mengikut pilihan dan kehendak pelajar.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah mendapat sokongan dana daripada UTMSPACE, Universiti Teknologi Malaysia di bawah Research Grant Potential Development Fund Vol No. SP-PDF1808.

RUJUKAN

- [1] Bringle, R. G., & Hatcher, J. A. (1995). A service-learning curriculum for faculty. *Michigan Journal of Community Service-Learning*, 2, 112-122.
- [2] Eyler, J., & Giles, D. E., Jr. (1999). *Where's the learning in service-learning?* San Francisco: Jossey-Bass.
- [3] Jacoby, B. (1996). Service-learning in today's higher education. In B. Jacoby and Associates (Eds.), *Service-learning in higher education: Concepts and practices* (pp. 3-25). San Francisco: Jossey-Bass.
- [4] Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [5] Abdul Ghafar & Mohd. Najib (2003) *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Penerbit UTM, Skudai, Johor Bahru
- [6] Weglarz, S. G. (2004). Participant perceptions of a community college service-learning program. *Community College Journal of Research and Practice*, 28(2), 123-132. doi:10.1080/10668920490253618
- [7] Lee, S.-Y., Olszewski-Kubilius, P., Donahue, R., & Weimholt, K. (2007). The effects of a service-learning program on the development of civic attitudes and behaviors among academically talented adolescents. *Journal for the Education of the Gifted*, 31(2), 165-197. doi:10.4219/jeg-2007-674
- [8] Blouin, D., D., & Perry, E. M. (2009). Whom does service-learning really serve? *Community-based organizations' perspectives on service-learning*. *Teaching Sociology*, 37(2), 120-135. doi:10.1177/0092055X0903700201